

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 11 TAHUN 1976

KEBENARAN AM DI BAWAH BAB 13(A) ENAKMEN RIZAB MELAYU TAHUN 1930 DAN BAB 104 ENAKMEN TANAH KELANTAN 1938 KEPADA PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN (P.K.I.N.K)

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menarik perhatian semua PHT dan P.P.H.T (selaku Pendaftar Tanah) tentang keputusan MMK yang dibuat pada 15.8.1971 selepas menimbang Kertas Bil. 16/720/71 III (6) yang memberi kelulusan am (blanket approval) di bawah Bab 104 Enakmen Tanah Kelantan Tahun 1938 dan juga Bab 13 (A) Enakmen Rizab Melayu tahun 1930 kepada PKINK untuk memiliki atau membeli mana-mana tanah dalam Negeri Kelantan pada bila-bila masa.

2. Sebagaimana telah sedia maklum bahawa PKINK ialah satu perbadanan yang telah ditubuhkan di bawah Enakmen Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan 1966 (No.10 Tahun 1966) dan ianya tidak boleh diiktirafkan sebagai 'Melayu' mengikut takrif di bawah Enakmen Rizab Melayu Tahun 1930 dan tidak juga boleh disifatjab sebagai 'Peranakan Kelantan' mengikut takrif di bawah Enakmen Tanah Kelantan Tahun 1938. Oleh itu mana-mana pemberian atau pindahmilik tanha kepada PKINK adalah memerlukan kelulusan MMK.

3. Sungguhpun begitu dengan adanya kelulusan MMK bagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 1 di atas, kes-kes pindahmilik tanah kepada PKINK tidaklah perlu lagi diangkat bagi timbangan MMK bagi tiap-tiap satu kes, memadai dengan adanya kelulusan am yang telah diberi bagaimana dua sijil-sijil dalam Lampiran A yang berkembar yang telah dikeluarkan oleh Setiausaha Kerajaan pada 20.10.1971.

4. Dalam hal pemberian milik tanah kepada PKINK pula, sungguhpun kelulusan am telah diberi di bawah Bab 13(A) daripada Enakmen Rizab Melayu 1930, tetapi kuasa meluluskan milik tanah di bawah Seksyen 42(1)(a) K.T.N dan Bab 9 Enakmen Tanah Kelantan Tahun 1938 adalah terletak di tangan Pihak Berkuasa Negeri (MMK). Oleh itu tiap-tiap kes pemberian milik tanah kepada PKINK perlulah diangkat bagi timbangan dan kelulusan MMK.

5. Dalam hal bayaran bagi kedua-dua sijil yang berkenaan itu, pihak MMK yang dalam mensyuarat yang sama pada 15.8.1971 telah bersetuju melepaskan bayaran yang dikenakan di bawah Peraturan Tanah Kelantan Tahun 1966 dan sijil-sijil ini, mengikut pandangan dari YB Dato' PEnasihat Undang-undang tidaklah termesti (mandatory) dikembarkan dengan tiap-tiap dokumen yang berkenaan itu. Jika dikehendaki kepada bukti-bukti yang kebenaran itu telah diperolehi, maka perujukan boleh dibuat kepada sijil asal yang telah dikeluarkan oleh Setiausaha Kerajaan secara unun bagaimana Bil (11) dlm. PTG.Kn.43/71.

6. Surat Pejabat ini Bil.(12) dlm. PTG.Kn.53/71 bertarikh pada 24.10.1971 bagaimana salinannya dalam Lampiran B yang berkembar adalah dibatalkan.

t.t
(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)
Pengarah Tanah dan Galian,
Kelantan

KEPADA :

Semua P.H.T dan Penolong P.H.T Kelantan
Pengurus Besar, P.K.I.N.K. Kota Bharu

SALINAN KEPADA :

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
Juru Odit Negeri Kelantan
Pengarah Ukur Negeri Kelantan
Pegawai Tadbir, L.K.T.N. Kelantan
Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN, KOTA BHARU**

PTG.Kn. 53/71/(22)

BERTARIKH : 11HB. SEPTEMBER, 1976

SALINAN

LAMPIRAN 'A'

Bil. (II) dlm. PTG.Kn.53/71

**ENAKMEN TANAH 1938
(Enakmen Kelantan Bil 26 Tahun 1938)**

SIJIL DI BAWAH SEKSYEN 104

Perserahan No.....
Surat Macam-macam No.....

Saya akui bahawa pada 15hb Ogos 1971 Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan menurut Seksyen 104 dalam Enakmen Tanah, 1938 telah meluluskan kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan yang ditubuhkan di bawah Enakmen Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, 1966 (no.10 tahun 1966) untuk memiliki atau memberi mana-mana tanah dalam Negeri Kelantan pada bila-bila masa.

Bertarikh di Kota Bharu pada 20hb Oktober 1971.

t.t
SETIAUSAHA KERAJAAN
KELANTAN

**ENAKMEN RIZAB MELAYU 1930
(Enakmen Kelantan Bil 18 Tahun 1930)**

**JADUAL C
(Seksyen 13A(i))**

Dengan ini saya mengesahkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan meluluskan pendaftaran bermilik, pindahmilik dan pindahan mana-mana tanah pada bila-bila masa kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan yang ditubuhkan di bawah Enakmen Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, 1966 (no.10 tahun 1966).

(Kebenaran: SUK (Kn) 202/71)
SUK (Kn) 360/71)

KOTA BHARU,
20HB OKTOBER, 1971.

t.t
SETIAUSAHA KERAJAAN
KELANTAN

SALINAN

LAMPIRAN 'B'

Bil. (12) dlm. PTG. Kn. 53/71

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.
KOTA BHARU: 4HB RAMADHAN 1391.
24HB OKTOBER 1971

Dato' Pengurus Besar,
Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri
Kelantan.

KOTA BHARU

Dato',

Kebenaran Memiliki dan Membeli Tanah

Dengan hormatnya dimaklumkan iaitu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan setelah membincangkan Kertas-kertas No. 16/719/71 III (5) dan 16/719/71 III (6) pada 15HB OGOS 1971 telah membuat keputusan memberi kebenaran kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan di bawah Bab 13A Undang-undang Rezab Melayu Tahun 1930 dan Bab 104, Undang-undang Tanah Kelantan Tahun 1938 untuk memiliki atau membeli sebarang tanah dalam Negeri Kelantan dengan tidak payah lagi membuat perujukan kepadanya bagi mendapat kelulusan. Ini bermakna Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan telah ditakrifkan sebagai 'Melayu' dan 'Anak Kelantan' bagi maksud kedua-dua Undang-undang yang tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikembarkan satu Sijil di bawah Bab 104, Undang-undang Tanah Kelantan 1938 dan Jadual C di bawah Seksyen 13A, Undang-undang Rizab Melayu 1930 untuk simpanan Dato'.

(Haji Mohd Hariri bin Abu Taib)
Pengarah Tanah dan Galian
Kelantan.

s.k

Pemungut Hasil Tanah, Kota Bharu
Pemungut Hasil Tanah Pasir Mas
Pemungut Hasil Tanah Ulu Kelantan
Pemungut Hasil Tanah Tanah Merah
Pemungut Hasil Tanah Pasir Puteh
Pemungut Hasil Tanah Bachok
Pemungut Hasil Tanah Machang
Pemungut Hasil Tanah Tumpat.